



SIARAN AKHBAR

MAJLIS PEMBUKAAN DIKIR SEMPENA SAMBUTAN
MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU 'ALAIHI WASALLAM 1445H/2023M
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
SERTA JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA

Hari Sabtu, 01hb. Rabiulawal 1445H bersamaan 16hb. September 2023M

Bandar Seri Begawan - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) serta Jabatan-Jabatan di bawahnya membuka tirai Dikir Maulud 12 malam berturut-turut sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam bagi Tahun 1445H/2023M bertempat di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampong Madang/Manggis.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Mulia Awang Haji Mohd Yusree bin Haji Junaidi, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut hadir ialah Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan, Pegawai dan Kakitangan KSSUP serta Jabatan-Jabatan di bawahnya, Pegawai- Pegawai Masjid, Ahli-Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan Jemaah-Jemaah Masjid.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardhu Maghrib berjemaah dan disusuli dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Yang Mulia Awang Razman bin Haji Ramlee, Bilal Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit.

Majlis diteruskan dengan bacaan Dikir beramai-ramai dan ditutup dengan Doa Selamat.

Majlis ini merupakan salah satu aktiviti tahunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam sama-sama meraih pahala dan memupuk rasa cinta kepada Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

/TAMAT

Dikeluarkan oleh:
Unit Perhubungan Awam
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
16hb. September 2023M